

631 pelajar baru mendaftar di UMS Labuan sesi 2011/2012

UB 14/09/2011 B4

SERAMAI 631 pelajar baru Semester 1 Sesi 2011/2012 termasuk 73 pelajar antarabangsa dari China telah mendaftar di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan.

Daripada jumlah itu, 520 merupakan pelajar Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dan 111 pelajar Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL).

Ketibaan mereka di terminal feri kenderaan pada 10 September lalu telah disambut oleh Pengarah UMS-KAL Prof Madya Dr Shariff AK Omang bersama Pemangku Dekan SPKAL Prof Madya Dr Norazah Mohd Suki, Timbalan Pendaftar Kamisah Husin dan Penolong Pendaftar



PENGHARGAAN...Dr Harun (dua kanan) menerima cenderamata daripada Dr Shariff diperhatikan dari kiri Kamisah Husin, Dr Ag Asri dan Dr Lim Kian Ping.

Kanan Bahagian Hal Ehwal Pelajar Norhanizah Adnan.

Pada Ahad lalu, mereka mendengar Majlis Amanat Pengarah Kampus diikuti taklimat Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar oleh Pengarahnya Prof Madya Abdul Jamal Hamid.

Manakala pada sebelah malam, pelajar baru itu menghadiri majlis penutupan Minggu Suai Mesra (MSM) yang disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Harun Abdullah yang mewakili

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon.

Turut berucap Dekan SSIL, Dr Ag Asri Ag Ibrahim selaku Pengarah MSM 2011/2012. Majlis penutupan itu dimeriahkan lagi dengan persembahan nyanyian, deklamasi puisi, koir dan tarian kebudayaan.

Pada sebelah petang, mereka mendengar taklimat

mengenai SPKAL yang disampaikan oleh Dr Norazah di Dewan Utama dan SSIL oleh Dr Ag Asri yang dihadiri pensyarah dan kakitangan sokongan di Dewan Theatre.

Manakala pada Isnin, mereka mendengar taklimat daripada Bahagian Perpustakaan Kanan, Baharin Entoh diikuti pendaftaran kursus di makmal SPKAL dan SSIL yang dikendalikan oleh Bahagian Perkhidmatan

Akademik dengan kerjasama Bahagian Perkhidmatan Komputer dan Instrumentasi, SPKAL, SSIL dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa serta PKPP.

Dalam ucapan, Dr Kamaruzaman, beliau berkata pelajar baru yang melanjutkan pelajaran di UMS Labuan menggalas satu tanggungjawab dan harapan yang tinggi daripada ibu bapa.

Katanya, pelajar perlu mempunyai jati diri yang

tinggi bagi menghadapi cabaran kehidupan bermasyarakat di kampus terutama memperoleh keputusan yang cemerlang sesuai dengan slogan UMS, Bertekad Cemerlang.

“Anda perlu berkeupayaan memilih contoh yang terbaik untuk dijadikan tauladan dan sebaliknya berkeupayaan menepis apa juga gejala kurang sihat untuk dijadikan sempadan,” katanya.

Dr Kamaruzaman juga mahu pelajar menimba



GEMBIRA...AJK Pembimbing Suai Mesra 2011/2012 gembira pelajar baru selamat tiba di WP Labuan.

sebanyak ilmu bukan sahaja ilmu akademik tetapi juga ilmu yang boleh meningkatkan kemahiran insaniah dan bergiat aktif dalam bidang kokurikulum serta khidmat masyarakat.

Sementara itu, Dr Shariff pula menasihatkan pelajar supaya bertanggungjawab kepada diri sendiri dengan memastikan hala tuju dan destinasi yang diimpikan akan menjadi kenyataan.

“Mulai saat ini, anda perlu bertekad mencapai kecemerlangan dan jangan sesekali lalai dan alpa untuk melengkapkan diri dan seterusnya bertekad menjadi modal insan yang berkualiti yang berguna kepada agama, bangsa dan negara,” katanya.



PENDAFTARAN...Roslan Gimba mengendalikan pendaftaran kursus di makmal SPKAL.



JAWATANKUASA...Dr Harun (tengah) bersama AJK Penganjur Minggu Suai Mesra (MSM) 2011/2012.



KHUSYUK...Pelajar lelaki tekun mendengar taklimat daripada Bahagian Perpustakaan.